

# Program Turun Padang Untuk Mendekati dan Mendengar Masalah Petani

**K**ADA menganjurkan Program Turun Padang bagi mendekatkan diri dengan petani sambil menyelami permasalahan dan memberikan motivasi kepada mereka. Ia merupakan pendekatan mesra petani dan memperlihatkan kecaknaan KADA kepada petani dalam kawasan KADA.

Pada program itu, pengurusan tertinggi KADA yang diketuai oleh Pengerusi KADA Tan Sri Annuar Musa dengan disertai pegawai kanan KADA secara tidak formal melakukan lawatan ke unit-unit peladang bagi berjumpa dan beramah mesra dengan petani bagi mendengar masalah di peringkat akar umbi selain meninjau kemajuan dan keberkesanan pelaksanaan projek pembangunan oleh KADA.

Program sehari itu bermula baru-baru ini dimana Pengerusi KADA dengan disertai pegawai kanan KADA telah berkunjung ke Unit Peladang Tegayong Melor untuk sesi sarapan pagi dan beramah mesra dengan petani, diikuti dengan tinjauan kemajuan projek pembinaan kilang sosej di Melor, seterusnya melawat projek tanaman cendawan di bawah program



Pengerusi KADA melawat tanaman padi mini Estet padi Belukar Luas



Sesi ramah mesra dengan petani di Unit Peladang Tegayong



Meninjau pembinaan kilang sosej di Melor.



Meninjau projek tanaman cendawan di Kg. Setek

pembasmian kemiskinan KPI Menteri di Kg Setek Kok Lanas dan diakhiri dengan lawatan ke projek Mini Estet Padi Unit Peladang Belukar Luas, Ketereh.

Program sebegini dilihat amat bermakna kerana petani dapat bersua muka dan menyampaikan masalah mereka secara terus kepada pengurusan tertinggi KADA selain memberikan motivasi kepada mereka.

Program ini akan diteruskan dari masa kesemasa ke seluruh kawasan KADA dan dijadualkan dilaksanakan pada setiap hari khamis.

# KADA Berdepan *Krisis Bekalan air*



Intake rumah pam KADA tergantung akibat susutan aras air sungai.

**B**ekalan air merupakan keperluan terpenting dalam menjayakan tanaman padi dan punca utama bekalan air dalam kawasan KADA adalah dari Sungai Kelantan yang dipam oleh 3 buah rumah pam KADA iaitu di Rumah Pam Kemubu, Rumah Pam Lemal dan Rumah Pam Kasar.

Bekalan air ini kemudiannya dialirkan ke sawah padi menerusi rangkaian sistem taliair yang dibina dengan kos ratusan juta ringgit yang membolehkan tanaman padi diusahakan dengan jayanya dan memberikan impak besar dari segi peningkatan bekalan beras negara dan peningkatan taraf sosio ekonomi rakyat khususnya golongan petani.

Namun demikian, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, aras air Sungai Kelantan didapati telah susut secara ketara sehingga menjejaskan operasi mengepam air oleh Rumah Pam KADA dan seterusnya

menjejaskan proses pembekalan air ke sawah padi.

Pada tahun 2010, satu fenomena luar biasa telah berlaku dimana aras air berada di bawah paras kritikal dalam tempoh hampir setengah tahun. Secara purata air sungai di Rumah Pam Kemubu berada pada tahap 4.1 meter berbanding paras kritikal 4.9 meter, Rumah pam Kasar 0.8 meter paras kritikal 1.07 meter manakala Rumah Pam Lemal 1.0 meter dengan paras kritikal 1.6 meter.

Keadaan ini mengakibatkan kesemua rumah pam KADA tidak dapat mengepam air untuk dialirkan ke sawah padi mengakibatkan sebahagian sawah padi dalam kawasan KADA kekeringan air dan mendatangkan kerugian besar kepada petani terutamanya di kawasan yang di tanam lewat daripada jadual tanaman padi.

Masalah ini telah mendapat perhatian

serius pengurusan tertinggi KADA dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dimana Pengerusi KADA, Timbalan Ketua Setiausaha, Ketua Setiausaha kementerian serta YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Dato' Seri Noh Hj Omar telah turun padang melakukan tinjauan permasalahan yang berlaku.

Pengerusi KADA, Tan Sri Annuar Musa menyifatkan fenomena ini sebagai "tragedi" serta satu situasi yang membimbangkan dan tidak pernah berlaku dalam sejarah KADA. Jika keadaan ini berpanjangan, akan mengakibatkan keseluruhan sistem pengairan KADA yang dibina dengan dengan kos ratusan juta ringgit tidak lagi dapat berfungsi untuk membekalkan air ke sawah padi.

Ini akan memberikan impak besar kepada KADA dimana tanaman padi tidak dapat diusahakan dan akan mengakibatkan 54,000 petani dalam kawasan KADA hilang punca pendapatan. Selain itu, ia juga boleh menimbulkan masalah kepada pembekalan air untuk kegunaan rumah yang turut bergantung kepada sumber air dari Sungai Kelantan.

Sehubungan itu, beliau meminta pihak kerajaan negeri selaku pihak yang bertanggungjawab ke atas pengurusan Sungai Kelantan menubuhkan satu pasukan petugas bagi menjalankan kajian tentang punca fenomena ini berlaku.

Banyak pihak mengatakan ia berpunca kegiatan pembalakan dan pembukaan tanah secara berleluasa di kawasan hutan hulu Kelantan yang merupakan kawasan tadahan hujan yang menyebabkan hakisan tanah membawa mendapan sehingga sungai menjadi cetek.

Selain itu, aktiviti menyedut pasir secara besar-besaran di hiliran sungai juga dikatakan punca berlakunya krisis bekalan air. Namun, pendapat ini tidak dapat dibukti sehinggalah

satu kajian atau siasatan terperinci dilakukan oleh pasukan petugas tersebut.

KADA tidak hanya berpeluk tubuh melihat masalah ini berlaku begitu sahaja. KADA mengambil beberapa tindakan sepatutnya. Sebagai langkah sementara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah meluluskan peruntukan RM500,000 kepada KADA bagi membina benteng dari guni pasir merentasi Sungai Kelantan di Kampung Kubang Pak amin, Pasir Mas untuk meninggikan aras air sungai bagi membolehkan rumah pam KADA menjalankan operasi mengepam air ke sawah padi.

Selain itu, KADA akan membina benteng "low weir" menggunakan sheet pile di Rumah Pam Kemubu dan Rumah Pam Kasar dengan kos RM 12 juta bagi tujuan yang sama. Pada masa yang sama, satu kajian perunding sedang dijalankan bagi kemungkinan membina "Rubber Damp".

Usaha sebegini dilakukan bagi memastikan petani dapat meneruskan kerja menanam padi dan memperolehi pendapatan berterusan selain terus menyumbang kepada pembekalan beras negara.



Timbunan mendapan pasir di muka intake rumah pam KADA



Susutan aras air sungai kelantan menjejaskan operasi rumah Pam KADA



Pengerusi KADA meninjau sawah padi yang kering

# KADA Lancar Program

## *Hari Bertemu Pelanggan*

**K**ADA telah melancarkan program Hari Bertemu Pelanggan sebagai komitmen untuk menunjukkan sikap prihatin dan peka terhadap setiap aduan dan permasalahan rakyat dalam kawasan KADA terutamanya golongan petani, penternak dan usahawan tani.

Sehubungan itu, KADA telah melantik seorang pegawai di setiap pejabat Pusat Kemajuan Peladang (PKP), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan di Ibu Pejabat KADA sebagai Pegawai Pengurusan Aduan khusus bagi mengendalikan sebarang aduan atau permasalahan rakyat.

Selain itu, KADA turut menetapkan

setiap hari Khamis sebagai Hari Bertemu Pelanggan di semua pejabat-pejabat KADA. Walaubagaimanapun, penerimaan aduan tidak terhad pada hari tersebut sahaja malah boleh dikemukakan pada hari-hari bekerja yang lain.

Sehubungan itu, KADA mengalu-alukan kunjungan rakyat ke pejabat-pejabat KADA yang berhampiran bagi mengemukakan aduan dan permasalahan masing-masing.

KADA memberi jaminan setiap aduan yang diterima samada besar atau kecil akan diteliti dan diselesaikan dalam tempuh sesingkat mungkin. Walaubagaimanapun, bukan semua aduan atau permasalahan dapat diselesaikan dalam tempuh masa

yang singkat kerana ia mungkin melibatkan pihak-pihak lain ataupun memerlukan perbelanjaan besar untuk diselesaikan.

Majlis Pelancaran Hari Bertemu Pelanggan KADA telah disempurnakan oleh YB Datuk Wira Mohd Johari Baharum, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di Ibu Pejabat KADA,

Pada majlis itu, YB Timbalan Menteri turut menyampaikan Sijil Periantikan Pegawai Pengurusan Aduan KADA kepada pegawai KADA yang terlibat.



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani bersama dengan Pegawai Pengurusan Aduan KADA.